

Headline	M'sia perlu tambah jumlah profesional miliki sijil BCM		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	24 Aug 2016	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	17,812
Page No	6	Readership	53,436
Language	Malay	ArticleSize	186 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 372
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,116



M'sia perlu tambah jumlah profesional miliki sijil BCM

KUALA LUMPUR: Malaysia perlu mempunyai lebih banyak profesional yang memiliki sijil Pengurusan Berterusan Perniagaan (BCM) untuk melindungi sesebuah organisasi dan bersiap sedia menghadapi kejadian tidak diingini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau berkata profesional yang mendapat pensijilan BCM memainkan peranan penting dalam sesebuah organisasi untuk memastikan perniagaannya dapat diteruskan, walaupun berlaku krisis atau bencana.

"Kini terdapat 400 profesional warganegara Malaysia yang mendapat sijil BCM daripada Disaster Recovery Institute International (DRI International).

"BCM menjadi subjek penting bagi semua industri dari sektor awam dan swasta untuk memahami, merancang, membina dan melaksanakan langkah perlu

bagi mengatasi sebarang bencana," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan BCM Serantau dan majlis penyampaian Anugerah Cemerlang DRI di sini kelmarin.

Turut hadir, ketua pegawai eksekutif CyberSecurity Dr Amirudin Abdul Wahab.

DRI International adalah sebuah organisasi bukan bermotifkan keuntungan, yang membantu organisasi di seluruh dunia membuat persiapan bagi menghadapi bencana dan untuk pulih daripadanya dengan memberi pendidikan, akreditasi dan kepimpinan pemikiran mengenai penerusan perniagaan dan bidang berkaitan.

Madius berkata, oleh kerana kesedaran dan pengetahuan tentang BCM di Malaysia secara umumnya adalah masih rendah, maka kementerian itu, melalui CyberSecurity Malaysia, berganding bahu dengan DRI International menganjurkan program

kesedaran awam mengenainya.

Sementara itu, Amirudin berkata orang ramai perlu berwaspada dan mengambil langkah pencegahan bagi mengelak daripada diserang 'Ransomware', perisian hasad yang merosakkan komputer dan menghadkan akses kepada sistem sehingga wang tebusan dibayar untuk membuka kuncinya.

"Perniagaan boleh dijangkiti Ransomware dan menghadapi risiko kehilangan maklumat sensitif dan penting secara terus, gangguan operasi perniagaan atau malah membawa keburukan terhadap reputasi sesebuah organisasi," katanya.

Beliau berkata antara langkah yang boleh diambil bagi menghalang serangan Ransomware ialah mengadakan sokongan berkala bagi semua maklumat penting untuk menghadkan kesan daripada kehilangan data atau sistem serta membantu mempercepatkan proses pemulihan. -Bernama